

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**INTERPRETASI PEMIKIRAN
SYEIKH ABDULLAH AL-TALIDI
BERKAITAN PENGHARMONIAN
ALIRAN SALAFI DENGAN
GOLONGAN SUFI DALAM NEGERI
SEMBILAN**

**MUHAMMAD ISKANDAR SHAH
BIN AB AHMID**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Januari 2026

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji pemikiran Syeikh Abdullah al-Talīdī dalam mengharmonikan aliran Salafi dan Tasawuf dan penerapan dalam konteks di Negeri Sembilan disamping penerapan pemikiran dalam konteks pengurusan Tarekat Tasawuf di Negeri Sembilan. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap karya-karya Syeikh Abdullah al-Talīdī dan maklumat rasmi berkaitan tasawuf di Negeri Sembilan. Ia juga turut menggunakan kaedah pengumpulan data dan analisis dengan pendekatan temubual secara deskriptif dalam kajian yang dilakukan. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan metode induktif, deduktif dan perbandingan untuk mengenalpasti pemikiran pengharmonian yang digunakan oleh Syeikh Abdullah al-Talīdī. Dapatan menunjukkan tiga pendekatan utama iaitu dakwah, tarbiyah dan tazkiyyah. Pendekatan dakwah beliau menekankan titik pertemuan, diskusi dan perbincangan, serta menerang dan bukan menyerang. Melalui tarbiyah, beliau memastikan kesahihan dalil, bertoleransi, dan wasatiyyah. Manakala melalui tazkiyyah, beliau mengangkat maqasid dalam tasawuf, keseimbangan antara zahir dan batin, serta kepimpinan berjiwa besar sebagai asas dalam menjernihkan perbezaan. Kajian ini juga mendapati bahawa inisiatif yang telah dijalankan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dengan mewujudkan Enakmen Tarekat Tasawuf 2005, Penganjuran Multaqa Pemegang Tauliah, Simposium Tarekat Tasawuf, Podcast *Al-Bayan* merupakan usaha dalam menerapkan elemen pengharmonian dalam dasar mereka. Sebagai cadangan penambahbaikan, kajian ini mencadangkan pemerkasaan program pendidikan awam mengenai tasawuf yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta pengukuhan kerjasama antara institusi agama bagi merapatkan jurang perbezaan dalam membina strategi pengharmonian yang lebih efektif di Malaysia sekaligus memupuk perpaduan dalam kalangan umat Islam.

PENGHARGAAN

Segala puji dan puja hanya layak kepada Allah SWT, Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga baginda serta pada sahabat yang berjalan di atas landasnya. Seluas kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT atas segala nikmat dan peluang yang diberikan kepada saya untuk menyiapkan kajian yang diharapkan mampu memberikan sumbangan dalam agama Allah SWT.

Pertamanya, Ucapan penghargaan kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka khususnya Pendaftar UTeM dan Sub-Bahagian Cuti Belajar yang telah memberikan ruang dan peluang kepada pengkaji untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan membantu dari segi kewangan dan cuti belajar hingga tamat pengajian.

Seterusnya segunung penghargaan yang tidak terhingga buat penyelia utama Dr Mohammad Fahmi Abdul Hamid yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga bagi membantu pengkaji menyiapkan kajian hingga selesai. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada penyelia kedua iaitu Dr Khairul Azhar Meerangani di atas segala nasihat dan bimbingan akademik sepanjang kajian ini dijalankan. Ribuan terima kasih juga kepada semua pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka atas segala bantuan dan sokongan yang diberikan. Terima kasih di atas segala bimbingan dan semoga Allah memberikan kebaikan dan ganjaran yang besar kepada mereka semua.

Titipan penghargaan juga diberikan kepada Ayahanda Hj. Ab Ahmid Bin Abdul Malek yang banyak mendoakan kejayaan pengkaji agar terus bersemangat untuk menghabiskan pengajian ini. Sejuta kasih sayang ditujukan untuk isteri tercinta Nurul Martiilla Binti Che Omar atas segala pengorbanan yang dilakukan bagi memastikan pengkaji mencapai kejayaan dalam pengajian ini serta titipan doa setiap hari buat diri pengkaji. Buat anak-anak yang tercinta A'isyatul Humaira', Ulfatu 'Ulya, Ayatul Husna dan 'Abdurrahman 'Auf, semoga menjadi anak yang soleh dan solehah serta berjaya dunia dan akhirat. Tidak dilupakan juga penghargaan buat kekanda Azri Amin Bin Che Din yang telah memberikan pengkaji meminjam buku karya Syeikh Abdullah al-Talīdī. Semoga Allah memberkati semuanya.

ISI KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--|-------------------|
| PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSAAN | ii |
| PENGAKUAN PENULIS | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| PENGHARGAAN | vi |
| ISI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI LITERASI | xiii |
| | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 9 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 14 |
| 1.5 Objektif Kajian | 14 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 14 |
| 1.7 Limitasi dan Skop Kajian | 16 |
| 1.8 Definisi Operasional | 18 |
| 1.9 Sistematika Penulisan | 21 |
| 1.10 Kesimpulan | 21 |
| | |
| BAB 2 SOROTAN LITERATUR | 22 |
| 2.1 Pengenalan | 22 |
| 2.2 Sorotan Literatur | 22 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bertitik tolak daripada kepesatan ilmu yang berkembang telah menjadi punca kepada perbezaan ideologi dan manhaj sehingga berlakunya pertembungan antara golongan yang dipanggil salafi dan tasawuf. Pertembungan ini berlaku tidak hanya di Tanah Arab akan tetapi telah meluas ke seluruh dunia (Razali Musa, 2020). Golongan salafi ialah mereka yang menggelaran diri mereka sebagai pengikut ahli hadis (Mohamed ‘Ali, 2019, Muhammad Khalil, 2003, Tāha Jabir, 2023), ahli Sunnah (Roel Meijer, 2009) Wahhabi (Aizam Mas’od, 2015) dan Kaum Muda (Abdul Rahman Abdullah, 2021). Golongan inilah antara golongan yang banyak mengkritik pengamalan tasawuf. Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qayyīm sentiasa menjadi rujukan utama bagi golongan yang mengkritik aliran Tasawuf sehingga menyebabkan banyak tulisan yang membongkarkan penyelewengan tasawuf (Muh. Ilham Usman, 2020; Aizam Mas’od, 2015). Penolakan tanpa penelitian kepada tasawuf akibat daripada banyak salah faham memberikan kesan kepada tasawuf itu sendiri (Dimyati Sajari, 2015). Selain itu, penolakan secara tidak berasas daripada sebahagian aliran Salafi terhadap tasawuf menyebabkan nama aliran Salafi juga digelar dengan gelaran yang kurang baik seperti gelaran pseudo-Salafi (Ibrahim Adham. et.al, 2020) dan anti Tasawuf (Zakaria Stapa, 2022).

Pertembungan yang berlaku menyebabkan banyak kritikan-kritikan yang terjadi antara aliran Salafi dan Golongan Sufi. Sekiranya tiada usaha pengharmonian antara dua aliran ini, maka jurang yang berlaku akan lebih parah. Dalam masa yang sama, tidak dinafikan terdapat juga tokoh ilmunan yang menggerakkan pengharmonian antara dua aliran ini seperti usaha yang dilakukan oleh Imam al-Nawawī, Imam al-Ghazālī, Syeikh Yūsuf al-Qarāḍāwī, Syeikh Abdullah bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī, Syeikh Ahmad bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī dengan menerbitkan karya hadis tasawuf. Sumbangan ini membantu merapatkan jurang yang berlaku dalam aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam kajian ini juga menganalisis kaedah Syeikh Abdullah al-Talīdī (SAT)